



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,
DI KUANTAN
KES MAL NO : 06100-014-0067-2013 / 06100-028-0534-2012

ANTARA
NOR HASNI YANTI BINTI AB LATIF
DAN
MOHD RADZIF BIN MAKHOZAINI

LOKASI	:	Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan
HAKIM	:	YA Tuan Haji Mohd Yusof Bin Ab Ghani. AMP, HMDS
TARIKH	:	
NO KES	:	06100-014-0067-2013 / 06100-028-0534-2012
DISEDIAKAN OLEH	:	Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

PEGUAM SYARIE

Plaintif	:	Ahmed Hakim Almohdhar Bin Syed Mohamed daripada Jabatan Bantuan Guaman
Defenden	:	Tidak diwakili peguam

FAKTA KES

1. Permohonan ini merupakan permohonan untuk mensabitkan perceraian secara Fasakh dibawah **Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005** yang disekalikan dengan permohonan Hadhanah dibawah **Seksyen 83 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005**.
2. Plaintiff, **Nor Hasni Yaniti Binti Ab Latif** merupakan isteri yang sah kepada Defenden, **Mohd Radzif Bin Makhozaini**. Pasangan ini bernikah pada 26.02.2011 di Kampung , Chenor Pahang.
3. Plaintiff melalui tuntutan Hadhanah pula memohon hak penjagaan anak ke atas anak yang bernama **Nur Qyra Qasrina Binti Abdullah** (selepas ini disebut 'anak tersebut;)
4. saman telah disempurnakan secara kediri kepada pihak Defenden pada 21.06.2013



PENGHAKIMAN OLEH Y.A TUAN HAJI MOHD YUSOF BIN AB GHANI, HMTS.

Dari sudut undang-undang, Mahkamah ini adalah berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Permohonan Plaintiff telah memenuhi kehendak peruntukan **Seksyen 47 (2) (b) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991**:

- (a)
- (b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan –
 - (i) pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), atau perpisahan (faraq);

Walaupun tanpa kehadiran Defendan, kuasa ekslusif telah diberikan oleh undang-undang kepada Mahkamah untuk membicarakan sesuatu kes, dengan syarat penyampaian yang wajar telah dilaksanakan. **Seksyen 121 (1)**
(b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002 memperuntukkan seperti berikut:

- (b) Jika, apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran-
- (ii)
- (iii) Defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya
- (iv)

ISU PERTAMA : SAMADA DEFENDEN TELAH MENGADAKAN NAFKAH ZAHIR DAN BATIN KEPADA PLAINTIF.

Di dalam kes ini, Plaintiff mengemukakan dakwaan bahawa Defendan telah cuai dalam tanggungjawabnya menafkahi Plaintiff. Berdasarkan **Seksyen 53 (1) (b) (d) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005** yang menyebut seseorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau Fasakh di atas satu atau lebih alasan-alasan berikut:

- (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan.
- (d) bahawa suami atau isteri telah tidak menuaikan, tanpa sebab munasabah, kewajipan perkahwinan (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.

Beberapa elemen penting yang terdapat dalam kes ini iaitu Defendan telah gagal dalam memberi nafkah zahir dan batin kepada Plaintiff dengan



sewajarnya. Elemen-elemen ini berjaya dibuktikan oleh Plaintiff melalui keterangannya dan disokong oleh tiga orang saksi.

Plaintif di dalam keterangannya menyatakan Defendan telah gagal mengadakan peruntukan nafkah zahir terhadap Plaintiff melebihi tempoh tiga bulan malah sejak dari awal perkahwinan lagi. Plaintiff turut mendakwa Defenden sering menimbulkan masalah dalam rumah tangga dan selalu mencetus perbalahan sehingga pihak-pihak hilang persefahaman dan tidak lagi tinggal bersama bermula April 2014.

Sejak tinggal berasinga, segala perbelanjaan dan nafkah diri serta seorang anak diuruskan sepenuhnya oleh Plaintiff tanpa bantuan daripada Defenden atau wakilnya. Keterangan ini disokong oleh saksi-saksi Plaintiff.

- SP-1 : Zailani Bin Abd Latif (No. K/P: 860514-xx-xxxx)**
SP-2 : Nor Faezah Bt Abd Latif (No. K/P: 871219-xx-xxxx)
SP-3 : Hasmah Binti Hussin

SP-1, SP-2 dan SP-3 kesemuanya bersetuju dengan tuntutan Fasakh oleh Plaintiff ini. Ketiga-tiga bersepakat adalah patut bagi Plaintiff membuat tuntutan Fasakh kerana melihat keadaan Plaintiff yang hanya menguruskan rumah tangganya secara bersendirian. Ketiga-tiga saksi ini juga mengetahui Defenden sudah lebih setahun mengabaikan kehidupan Plaintiff apatah lagi menunaikan tanggungjawab memberi nafkah. Saksi-saksi ini juga mengesahkan sudah lama tidak berjumpa dengan Defenden.

Mahkamah dengan yakin menyimpulkan Defenden dalam kes ini telah cuai dalam memelihara rumah tangganya dan gagal menjalankan kewajipannya menafkahi Plaintiff sedangkan Plaintiff tidak pernah disabitkan Nusyuz oleh mana-mana Mahkamah yang mana akan menggugurkan haknya daripada nafkah.

Hukum Syara' dan Undang-undang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan suami isteri berdasarkan kepada alasan-alasan yang munasabah di sisi Hukum Syara'. Antara alasannya ialah apabila suami tidak memberi nafkah yang wajib kepada isteri untuk suatu tempoh tertentu sebagaimana hujah diatas.

Di dalam kes **Joan Mary Sulaiman Iwn Sulaiman Haji Musa**, Yang Arif Hakim Mahkamah telah mengatakan:-

"Tidak memberi nafkah atau tidak mengadakan nafkah kepada isteri boleh menjadi kesukaran dan kesusahan dalam meneruskan hidup kerana nafkah adalah keperluan asas untuk hidup"

Rasulullah S.A.W juga bersabda dalam kitab **Subul al-Salam juzuk 4**, bab



talaq, sabdanya:

“Seorang lelaki yang tidak mengadakan peruntukan nafkah kepada isterinya hendaklah dipisahkan di antara keduanya”

Meletakkan kesemua tanggungjawab di bahu Plaintiff, SP-1, SP-2 dan SP-3 mengakui Defendan tidak melaksanakan tanggungjawabnya sebagai suami yang baik kerana gagal menafkahi Plaintiff dengan sewajarnya dan sering membebankan kehidupan Plaintiff.

Namun demikian di dalam kes ini, beban pembuktian terhadap dakwaan berhubung dengan nafkah adalah menjadi tanggungan ke atas suami (Defendan) untuk membuktikannya tetapi Defendan gagal hadir ke Mahkamah untuk menafikannya.

Oleh itu, Mahkamah berbalik kepada **Qaedah Fiqh** yang berbunyi:-

Maksudnya: “tidak disandarkan sesuatu kepada orang yang diam, tetapi apabila ada keperluan (untuk orang yang diam itu bercakap-memberi kerangan, tapi dia gagal berbuat demikian) maka diamnya itu dikira sebagai keterangan”.

Ini bermakna, Defenden perlu tampil untuk menolak tohmahan Plaintiff mengenai isu yang dibangkitkan dan sekiranya Defenden gagal, maka kegagalan itu mengukuhkan lagi tuntutan Plaintiff.

Mahkamah juga merujuk Qaedah Fiqh **Al-asl fi Kulli syai` al-adam**.

Maksud kaedah ini, asal sesuatu itu tidak ada, atau tidak wujud jika tidak dibuktikan sebaliknya. Ini adalah satu anggapan yang boleh ditolak dengan cara dibuktikan sebaliknya.

Dalam kes ini juga, plaintiff dan ketiga-tiga saksi konsisten menyatakan bahawa Defenden mahupun wakil Defenden tiada memberi nafkah kepada Plaintiff. Dalam persoalan ini, asalnya nafkah oleh Defendan disifatkan tidak diberi, melainkan Defenden membuktikan dia ada memberi nafkah. Namun demikian, Defendan tidak pernah hadir untuk membuktikannya.

ISU KEDUA : SAMADA DEFENDEN TELAH LAZIM MENYAKITI ATAU MENYEBABKAN PLAINTIF MENDERITA AKIBAT KELAKUAN ANIAYA.

Seterusnya dalam kes ini, Plaintiff mendakwa Defenden telah beberapa kali bertindak kasar dengan memukul dan melakukan gangguan terhadap kehidupan Plaintiff dan anak sehingga mendatangkan kecederaan. Perlakuan Defenden ini menyebabkan Plaintiff rasa tertekan, takut dan trauma lantas telah tekad untuk menuntut Fasakh di Mahkamah.



Merujuk **Seksyen 53 (h) (i) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005** telah memberi ruang kepada salah satu pihak dalam perkahwinan memohon perceraian secara Fasakh sekiranya salah satu pihak melakukan penganiayaan antara lain,

(h)(i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan anjaya.

Dalam keterangan Plaintiff di Mahkamah juga, Plaintiff menyatakan Defenden sering menyakiti diri Plaintiff. Defenden kerap memukul Plaintiff apabila berlaku pergaduhan. Pada 14/04/2012 apabila berlaku pertengkaran, Defenden bertindak memukul Plaintiff sehingga mendatangkan kecederaan dan kemudharatan ke atas tubuh badan Plaintiff. Ekoran daripada kejadian tersebut, Plaintiff telah membuat Laporan Polis (Lampiran C). Selepas kejadian tersebut, Plaintiff bersama anak dibawa pulang oleh SP-3 ke rumah keluarga Plaintiff untuk berlindung. Perkara ini diakui sendiri oleh SP-3.

Bukan itu sahaja, Defenden juga terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan pernah ditahan pihak Poils daerah Temerloh sekitar bulan April - Mei tahun 2011. Keterangan ini juga disokong oleh SP-1 dan menurut SP-1 Defenden pernah ditahan Polis sebanyak dua kali akibat kesalahan dadah.

Plaintif mengakui akibat daripada situasi yang dialami, beliau sering merasa tertekan fizikal dan mental. Apatah lagi dalam keadaan terpaksa memikul tanggungjawab rumahtangga seorang diri. Keadaan yang ditimbulkan oleh Defenden ini amat membuntukan fikiran kehidupan Plaintiff sehingga kini.

Mahkamah dalam mendengar isu ini, suka merujuk kepada dua buah hadith sebagai panduan untuk kes ini. Rasulullah s.a.w bersabda:

Maksudnya: Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlanya dan paling lembut terhadap keluarganya.

(Riwayat al-Tirmizi dan al-Hakim)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

Maksudnya: Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling baik terhadap isterinya. Dan akulah yang paling baik kepada isteriku.

(Riwayat al-Tirmizi)

Di dalam kes **Kes Hairun Iwn Omar [JH (1414 H) JLD VIII BHG II, m/s 293]**, Jawatankuasa Rayuan menyatakan bahawa:

"Jika diteliti dengan lebih mendalam, prinsip pembubaran perkahwinan atau Fasakh kerana dianiaya atau darar ini tidaklah disyaratkan penganiayaan atau dirar terhadap tubuh badan sahaja malahan lebih luas dari itu...".



Merujuk kes ini lagi di mana Yang Amat Arif Hakim telah mengupas maksud ‘lazim menyakiti’ secara terperinci. Perkataan lazim menyakiti (habitually assaults) di dalam **Seksyen 53 (1) (h) (i) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005** tidak bermakna memukul secara fizikal. Di dalam bahasa perundangan ada perbezaan makna di antara assault dan battery. Perkataan ‘battery’ bermakna memukul dengan cara fizikal manakala perkataan ‘assault’ tidak begitu. Oleh itu perkataan ‘lazim menyakiti’ hanya relevan di dalam kes penganiayaan yang berbentuk mental seperti menyakiti hati dan perasaan yang hanya timbul apabila berlaku acapkali dalam jangka masa yang panjang dan oleh itu berkehendakkan ‘lazim’ atau ‘habitually’ dibuktikan oleh isteri. Namun, apabila penganiayaan itu bercorak fizikal, maka memukul walaupun tidak lazim mungkin mencukupi untuk membuktikan suatu penganiayaan terhadap seseorang isteri.

Mahkamah juga mendapati bahawa tiada usaha daripada Defenden untuk berubah diri kearah yang lebih baik dan usaha untuk memulihkan keadaan rumah tangganya sebaliknya Defenden terus-terusan mengabaikan Kehidupan Plaintiff. Defenden sebagai seorang suami sepatutnya melindungi Plaintiff dari perkara-perkara yang memudharatkan namun sebaliknya, Defenden telah meletakkan risiko yang berbahaya kepada diri Plaintiff. Sehingga kini juga tiada tanda-tanda perkahwinan ini telah pulih daripada ‘shiqaq’.

ISU KETIGA : HADHANAH.

Dalam kes tuntutan hak penjagaan anak ini, Mahkamah merujuk **seksyen 82 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005** yang menyatakan seperti berikut:

“Tertakluk kepada seksyen 83, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan”

Seksyen 83 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005 pula menyebut:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika

- (a) dia adalah seorang Islam;
- (b) dia adalah sempurna akal;
- (c) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (d) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan



(e) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Oleh yang demikian, daripada keterangan Plaintiff dan saksi-saksi, adalah menjadi fakta yang telah dibuktikan bahawa Plaintiff telah menepati syarat-syarat seorang hadhinh mengikut peruntukan undang-undang dan hukum syarak sedia ada.

Rasulullah s.a.w telah bersabda dalam sebuah hadis:

“Kamu (isteri) adalah yang paling berhak (ke atas penjagaan anak) selama mana kamu belum berkahwin”

Hadis di atas menjelaskan hak hadhanah akan gugur ke atas isteri sekiranya isteri berkahwin dengan mana-mana lelaki lain. Di dalam kes ini, Plaintiff membuktikan bahawa beliau adalah ibu kandung kepada anak-anak tersebut dan Plaintiff juga belum berkahwin dengan mana-mana lelaki lain.

Merujuk **Kitab al-Bujairimi ala al-Khatib, muka surat 475, juzu' 4:**

“Apabila berpisah(termasuklah mati atau bercerai) seorang lelaki dengan isterinya, maka isterinya adalah berhak terhadap Hadhanah anak-anak (sehingga anak berumur 7 tahun)”

Selain itu, Mahkamah melihat status anak tersebut yang merupakan anak tak sah taraf dan belum mencapai umur mumayyiz, maka Mahkamah memutuskan hak penjagaan bagi anak tersebut diletakkan kepada Plaintiff.

Kesimpulan

Fasakh sepertimana yang disyariatkan adalah untuk menolak kemudharatan yang berterusan daripada menimpa diri salah satu pihak dalam perkahwinan. Namun dalam kes ini, 'shiqqaq' telah berlaku berterusan dan menyimpang daripada tujuan asal perkahwinan. Menurut Sayyid Sabiq dalam kitab **Fiqh al-Sunnah juzu' 7** menyatakan bahawa:

“Fasakh adalah membatalkan akad nikah dan melepaskan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri. Fasakh terjadi apabila syarat-syarat yang dipenuhi pada akad nikah atau kerana hal-hal yang berlaku kemudiannya yang membantalkan kelangsungan perkahwinan”.

Selain itu, tujuan Fasakh dalam kes ini adalah untuk membendung mudharat atau mengelak penganiayaan ke atas kedua-dua belah pihak terutama pihak isteri. Dalam **Kitab Sanat at-Talibin, Juzuk 4, Halaman 86** dinyatakan bahawa:-



“Tujuan Fasakh nikah adalah untuk membendung mudharat yang menimpa atas diri sendiri”

Mahkamah juga berpendapat bahawa mengekalkan rumahtangga sedangkan hubungan pihak-pihak tetap tidak dapat diharmonikan juga hanya menyusahkan pasangan ini sendiri dan semakin memudharatkan. Dalam hal ini Defendan tidaklah perlu menunggu lama untuk menceraikan Plaintiff. Malah Islam mengharuskan perceraian.

Sekiranya detiliti **Qaedah Fiqh** yang berbunyi:

“Dharurat mengharuskan perkara yang ditegah”

Di dalam konteks kes ini, cerai adalah perkara yang sangat dibenci oleh Allah S.W.T tetapi ianya dihalalkan dengan tujuan menolak perkara yang lebih berat dengan tiada dapat dilaksanakan kewajipan dan tugas suami isteri dalam rumahtangga.”

Apa yang jelas kepada Mahkamah adalah pasangan ini sudah lebih setahun tidak lagi bersama sepetimana pasangan suami isteri yang lain maka Mahkamah berpandangan tidak ada lagi keharmonian dalam rumahtangga. Tambahan lagi dengan tindakan Defenden yang telah menyanggahi hukum syarak telah memudharatkan diri Plaintiff. Sekiranya dibiarkan perkara ini akan menyebabkan berlaku mudharat yang lebih besar. Diantaranya ialah:

- 1) Pergaulan terbatas kerana masih menjadi isteri kepada seseorang.
- 2) Terpaksa bekerja mencari rezeki sedangkan suami wajib memberi nafkah kepada isterinya
- 3) Terpaksa mencari tempat tinggal yang selesa tanpa ditanggung oleh suami
- 4) Tidak mendapat nafkah batin yang mana ia adalah hak seorang isteri.

Sedangkan perkara mudharat ini mestilah dihilangkan bertepatan dengan **Qaedah Fiqh** yang lainnya berbunyi :

“Kemudharatan itu mestilah dihilangkan”

Dalam kes ini Plaintiff telah memohon Fasakh untuk menghilangkan kemudharatan ke atas dirinya. Fasakh disyariatkan untuk menggantikan talaq oleh suami kepada isteri kerana seseorang isteri tidak mempunyai kuasa talaq.

Oleh yang demikian, Mahkamah sekali lagi berpendapat tiada lagi Mu'asarah dan tiada nafkah zahir dan batin dilaksanakan pleh Defenden serta syiqaq yang masih berpanjangan sehingga hari ini tanpa adanya jalan penyelesaian dalam krisis rumahtangga ini.



Menyentuh mengenai kebolehterimaan saksi-saksi Plaintiff, Mahkamah mendapati Plaintiff telah mengemukakan saksi-saksi yang sah iaitu **dua (2) orang saksi lelaki** dan **seorang saksi perempuan** untuk menyokong permohonan Plaintiff. Ini bertepatan dengan **Seksyen 86 (5) Enakmen keterangan Mahkamah Syariah Pahang 2005** menyebut :

“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan”

Saksi-saksi ini merupakan pihak-pihak yang telah membantu Mahkamah dalam mempertimbangkan tuntutan Plaintiff. Ini kerana saksi-saksi mengetahui keadaan sebenar yang dihadapi antara Plaintiff dan Defenden. **SP-1 Zailani Bin Abd Latif** adalah abang kandung Plaintiff manakala **SP-2 Nor Faezah Binti Abdul Latif** merupakan kakak kandung Plaintiff. Sementara SP-3 pula merupakan jiran Plaintiff. Ketiga-tiga saksi ini mengenali diri Plaintiff.

Mahkamah berpuashati dengan keterangan saksi-saksi tersebut yang tiada percanggahan menunjukkan bahawa pasangan ini sudah tidak lagi bersama sebagai suami isteri sepertimana pasangan lain. Mahkamah juga berpendapat telah berlaku perlenggaran terhadap hukum syarak terhadap perkahwinan yang membolehkan perkahwinan ini difasakhkan.

Sepanjang perbicaraan kes ini berlangsung juga, Defenden gagal hadir untuk membela diri. Oleh itu, Mahkamah menerima keterangan pihak Plaintiff dan saksi-saksinya kerana ia tidak dicabar atau dibantah oleh pihak Defenden walaupun peluang untuk berbuat demikian telah diberikan. Dengan itu, Mahkamah beranggapan bahawa Defenden tidak berminat untuk membela dirinya dan setuju dengan segala pernyataan pihak Plaintiff.

Mahkamah merujuk **Seksyen 121 (1) (b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002** memperuntukkan seperti berikut:

“Sekiranya mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran dan didapati Defenden tidak hadir, setelah terbukti penyampaian yang wajar, Mahkamah boleh mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadiran Defenden”.



Maka disini, Mahkamah bersetuju untuk memutuskan kes ini walaupun tanpa kehadiran pihak Defenden sepanjang perbicaraan dilaksanakan. Di dalam kitab **I'anatu al-Talibin, Juzu 4, muka surat 238** menyatakan:

"Harus memberi penghakiman ke atas yang ghaib dari negeri iaitu lebih dari masafattu al-'udwa sekalipun yang ghaib itu berada diluar bidangkuasanya ketika itu".

Begin juga seperti yang dinukilkhan di dalam kitab **Mughni al-Muhtaj, Juzu' 4, muka surat 407**:

"Penghakiman ke atas yang ghaib itu harus jika yang mendakwa mempunyai keterangan dan dakwaan yang mendakwa ke atas yang ghaib itu boleh disangkal".

DIPUTUSKAN

Mahkamah setelah meneliti Pernyataan Tuntutan Pemohon, Afidavit Sokongan, Hujah pihak Pemohon dan keterangan saksi-saksi serta sokongan ekhibit-ekhsibit dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, maka Mahkamah berpuashati dan memerintahkan seperti berikut:

1. MAHKAMAH perintah dengan ini meluluskan permohonan Plaintiff untuk membubarkan dan memfasakhkan pernikahannya dengan Defendan di bawah **Seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Tahun 2005**.
2. MAHKAMAH perintah mulai hari ini, jam petang/pagi pernikahan Plaintiff **Nor Hasni Yant Binti Ab Latifi (No. K/P: 920208-xx-xxxx)** dan Defendan **Mohd Radzif Bin Makhozaini (No. K/P: 850402-xx-xxxx)** dibubarkan dan difasakhkan.
3. Hak jagaan anak yang bernama :-
Nur Qyra Qasrina Binti Abdullah
Tarikh Lahir : 25/04/2011
No. Daftar : CI 90404
 - Diletakkan di bawah jagaan Plaintiff selaku Ibu Kandung
4. MAHKAMAH perintah perceraian ini didaftarkan di Pejabat Agama Islam berhampiran dan **Sijil Nikah No.** dipulangkan dan dibatalkan dalam tempoh 14 hari.